

Newspaper	Berita Harian
Date	13 December 2015

Buku tak jejas perhimpunan

» Terserah ibu pejabat parti untuk ambil tindakan

Kuala Lumpur



Pengedaran buku berbentuk provokasi seperti *Aku Bukan Petualang* perkara biasa ketika berlangsungnya Perhimpunan Agung UMNO sekali gus tidak menjejaskan perjaianan perhimpunan berkenaan.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata pengedaran buku seumpama itu turut berlaku ketika bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Presiden parti.

Belum baca
Bagaimanapun, beliau tidak menjelaskan tajuk buku diedarkan pada era Dr Mahathir.

"Saya sendiri belum membaca buku berkenaan. Setiap kali perhimpunan bermacam-macam judul buku diedarkan pihak tertentu kepada perwakilan dan orang ramai di luar dewan.

Berjalan lancar
"Apa yang penting pengedaran buku itu (*Aku Bukan Petualang*), tidak menjejaskan perjalanan perhimpunan kali ini.
"Alhamdulillah perhimpunan berjalan lancar dan tiada benda pelik berlaku," katanya kepada media di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.
Hishammuddin yang juga Menteri Pertahanan, berkata beliau menyerahkan kepada ibu pejabat parti sama ada mengambil tindakan terhadap pihak menerbit dan mengedarkan buku berkenaan, atau sebaliknya.
Buku setebal 28 halaman itu dilihat mempertahankan Timbaian Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Buku Aku Bukan Petualang yang diedarkan pada Perhimpunan Agung UMNO 2015 di PWTC, semalam.
[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]